

GARIS PANDUAN PERMOHONAN GERAN PENERBITAN BUKU (GPB)

PENGENALAN

Sejak penubuhan Penerbit KIAS pada Julai 2021, pelbagai usaha telah dilakukan untuk menghasilkan manuskrip dan menerbitkan buku-buku. Antaranya, pihak Penerbit KIAS telah merangka pelan strategik tiga tahun (2023 – 2025) dengan menggariskan tiga teras utama gerak kerja. Di antara tiga teras tersebut adalah memberi tumpuan dan galakan kepada para pensyarah untuk menerbitkan hasil penulisan dan kajian ilmiah mereka.

Galakan yang berterusan dilakukan supaya jumlah penghasilan karya manuskrip untuk penerbitan dapat dipertingkatkan, sentiasa ada dan berpanjangan. Bagi tujuan ini, peruntukan dana khas penerbitan melalui **Geran Penerbitan Buku (GPB)** adalah satu langkah yang sedang dilaksanakan.

OBJEKTIF

Antara objektif yang ingin dicapai melalui Geran Penerbitan Buku, Penerbit KIAS adalah untuk:

- a) Menggalakkan penghasilan buku ilmiah, separa ilmiah dan buku berpotensi untuk penyebaran ilmu dan pasaran.
- b) Menggalakkan penghasilan karya asli yang menonjolkan kepakaran penulis dalam sesuatu bidang yang sesuai untuk bacaan umum.
- c) Menggalakkan penghasilan karya yang memberikan impak kepada masyarakat dan berpotensi untuk dicalonkan dalam sebarang penganugerahan penerbitan.

BIDANG PENULISAN

Bidang penulisan yang dipohon hendaklah berdasarkan kepada salah satu daripada aspek berikut:

- a) Usuluddin
- b) Syariah
- c) Dakwah dan Kepimpinan
- d) Al-Quran dan Sunnah
- e) Muamalat
- f) Pendidikan
- g) Bahasa
- h) Pengurusan dan Pentadbiran Islam
- i) Teknologi Maklumat
- j) Kaunseling
- k) Sains Sosial
- l) Media
- m) Pengurusan Halal

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Permohonan bagi geran ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a) Permohonan geran ini terbuka kepada semua staf akademik berstatus tetap di KIAS.
- b) Manuskrip yang dihantar hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 30,000 patah perkataan atau minimum empat bab. Jumlah minimum perkataan adalah tidak termasuk rajah dan bahan rujukan.
- c) Jumlah pengarang bagi satu-satu buku tidak boleh melebihi 3 orang.
- d) Penulisan boleh dilakukan dalam bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris.
- e) Pemohon tidak boleh menghantar lebih daripada satu permohonan pada satu-satu masa.
- f) Pemohon yang berjaya mesti menyerahkan manuskrip kepada Penerbit KIAS selewat-lewatnya empat (4) bulan selepas permohonan berjaya.
- g) Manuskrip yang diserahkan kepada Penerbit KIAS mestilah lengkap, kemas dan seragam dari sudut penaipan serta merupakan hasil terakhir yang tidak akan dipinda kemudiannya.

TATACARA PERMOHONAN

- a) Pemohon perlu mengemukakan permohonan melalui **Borang Permohonan Geran Penerbitan Buku** yang dibekalkan Penerbit KIAS.
- b) Permohonan hendaklah diserahkan sebelum atau pada tarikh tutup permohonan sebagaimana yang ditetapkan oleh Penerbit KIAS. Permohonan yang lewat daripada tarikh tutup tidak dapat dipertimbangkan.

TEMPOH GERAN PENERBITAN BUKU

Jangka masa geran penerbitan adalah selama **empat bulan** sahaja daripada tarikh tawaran geran dikeluarkan. Permohonan tambah masa lanjutan adalah tidak dibenarkan.

SILING GERAN PERUNTUKAN

Siling peruntukan adalah sebanyak **RM3,000.00/** sebuah manuskrip.

PERATURAN PERBELANJAAN

Penggunaan peruntukan geran yang dibenarkan di bawah ot 29000 adalah untuk perkara berikut sahaja iaitu:

- a) Suntingan bahasa
- b) Rundingan kepakaran
- c) Terjemahan teks

- d) Bekalan pakai habis
- e) Bengkel Penulisan
- * Semua bentuk pembayaran bagi perkara di atas hendaklah mempunyai salinan resit yang sah.

HASIL GERAN

Setiap projek hendaklah menghasilkan satu (1) buah buku atau sekurang-kurangnya empat bab dalam buku yang memenuhi kriteria berikut:

- a) Manuskrip diterbitkan oleh Penerbit KIAS.
- b) Penghargaan kepada pihak Kolej Universiti mesti dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

PENILAIAN DAN KEPUTUSAN

- a) Permohonan GPB akan disaring oleh Penerbit KIAS.
- b) Permohonan yang melepasi saringan kelayakan awal akan dimajukan ke **Jawatankuasa Penerbitan KIAS (JPK)** bagi tujuan kelulusan.
- c) Keputusan sama ada manuskrip yang dihantar akan diterbitkan atau sebaliknya adalah tertakluk kepada penilaian manuskrip dan keputusan dalam mesyuarat **JPK**.
- d) Manuskrip yang lengkap berdasarkan senarai semak yang telah ditetapkan oleh Penerbit KIAS adalah lebih diutamakan (rujuk Borang Penyerahan Manuskrip).

PEMANTAUAN


Borang laporan akhir GPB perlu dihantar kepada Penerbit KIAS sekurang-kurangnya dalam tempoh **dua minggu** daripada tarikh manuskrip diserahkan berserta dengan laporan belanjawan.

TEMPOH IKLAN

Tempoh iklan yang dicadangkan adalah selama **1 bulan**, bermula dari tarikh ia dilancarkan.

Carta Alir Proses

Geran Penerbitan Buku (GPB) Penerbit KIAS



* Rujuk carta alir proses penerbitan